



KEMPEN

PENGAKTIFAN AKAUN DORMAN

Dormant Account Activation Campaign

1 NOV 2020 - 31 MAC / MARCH 2021

Jangan Peram Lama-lama!

Aktifkan akaun anda dan berpeluang
memenangi hadiah wang tunai!

Activate your account and stand
a chance to win cash prizes!



KELAYAKAN ELIGIBILITY

Terbuka kepada pemegang akaun
simpanan Bank yang tidak aktif (dormant)
melebihi **lima (5) tahun ke atas**

*Open to Agrobank existing customer with
inactive (dormant) savings account of more
than **five (5) years above***



HADIAH CABUTAN BERTUAH LUCKY DRAW PRIZE

Wang Tunai bernilai **RM500.00**
untuk setiap 10 orang pemenang

*Cash prize worth of **RM500.00** for
every 10 winners*



CARA UNTUK SERTAI KEMPENINI


HOW TO JOIN THIS CAMPAIGN

Hanya terdapat **dua (2) kriteria utama** yang perlu diikuti oleh pelanggan

*There are only **two (2)** key criteria that customers need to follow.*



- 1** Membuat **Pengaktifan Akaun** dalam tempoh kempen
To activate their dormant account within the campaign period



- 2** Melaksanakan sekurang-kurangnya satu (1) kali transaksi menggunakan Kad **AGRO VISA Debit-i** atau Perbankan Internet **AGRONet** dalam tempoh kempen
*To transact at least one (1) time using **AGRO VISA Debit Card-i** or **AGRONet** Internet Banking within the campaign period*

CARA AKTIFKAN AKAUN DORMAN AGROBANK / HOW TO ACTIVATE AGROBANK DORMANT ACCOUNT



Pelanggan perlu hadir ke kaunter mana-mana Cawangan Agrobank terdekat dengan membawa dokumen pengenalan diri yang sah bagi tujuan pengaktifan akaun
Customer is required to visit any nearest Agrobank branch counter with valid identification document for account activation.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **Pusat Panggilan Agrobank** di talian **1-300-88-2476** atau layari laman sesawang www.agrobank.com.my atau kunjungi mana-mana cawangan Agrobank di seluruh negara

*For more information, please call our **Agrobank Contact Centre** at **1-300-88-2476** or log on to www.agrobank.com.my or visit any Agrobank branches nationwide*



Leboh Pasar Besar, 50726,
Kuala Lumpur Malaysia

Tel: +603 2731 1600

Faks: +603 2691 7790

E-mel:
customer@agrobank.com.my

- Perkara yang dinyatakan tertakluk pada terma dan syarat serta sebarang perubahan terma dan syarat tersebut akan dimaklumkan dari semasa ke semasa

The matters stated are subject to the terms and conditions and any changes to those terms and conditions will be notified from time to time

- Tertakluk kepada produk dan perkhidmatan yang halal sahaja

Subject to halal products and services only

TERMA DAN SYARAT

KEMPEN PENGAKTIFAN AKAUN DORMAN

1. DEFINISI

“Bank”	merujuk kepada Bank Pertanian Malaysia Berhad (200801010522 (811810-U) yang mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 3, Bangunan Agrobank, Leboh Pasar Besar, 50726 Kuala Lumpur.
“Cabutan”	merujuk kepada proses cabutan yang akan dilakukan oleh pihak Bank bagi tujuan pemilihan pemenang bagi Kempen.
“Akaun Dorman”	bagi tujuan Kempen ini, merujuk kepada akaun yang tidak aktif (dormant) selama 5 tahun dan ke atas dimana tiada sebarang transaksi samada melalui penggunaan Kad Debit, ATM, CDM, Kaunter atau Perbankan Internet.
“Kakitangan”	merujuk kepada kakitangan Bank.
“Kempen”	merujuk kepada Kempen Pengaktifan Akaun Dorman.
“Pelanggan yang layak”	merujuk kepada Pemegang Akaun simpanan Agrobank yang telah tidak aktif (dormant) selama 5 tahun dan ke atas dimana tiada sebarang transaksi samada melalui penggunaan Kad Debit, ATM, CDM, Kaunter atau Perbankan Internet.
“Pemenang”	merujuk kepada Pelanggan yang telah dikenalpasti untuk memenangi hadiah Kempen berdasarkan proses Cabutan yang dilakukan oleh pihak Bank.
“Pemenang Simpanan”	merujuk kepada Pemenang yang dikenalpasti semasa proses Cabutan dilakukan dan disenaraikan sebagai pemenang simpanan. Pihak Bank berhak untuk memberikan hadiah kempen kepada Pemenang Simpanan yang dikenalpasti sekiranya Pemenang menjadi tidak layak untuk menerima hadiah atas apa jua sebab yang diputuskan oleh pihak Bank melalui Jawatankuasa Pemilihan.
“Pengenalan Diri”	merujuk kepada dokumen rasmi yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia bagi tujuan pengesahan pengenalan diri seperti Kad Pengenalan atau Pasport.
“Prinsip Hibah Mu’allaqah (Hibah Bersyarat)”	merujuk kepada prinsip penawaran pemilikan sesuatu yang bergantung pada keadaan atau peristiwa tertentu pada masa akan datang.

2. TEMPOH KEMPEN

- 2.1 Kempen ini bermula dari 1 November 2020 sehingga 31 Mac 2021.

3. KONSEP SYARIAH

- 3.1 Konsep Syariah yang digunakan bagi Kempen ini adalah prinsip Hibah Mu’allaqah (Hibah Bersyarat).
- 3.2 Berdasarkan prinsip Hibah Mu’allaqah, merujuk kepada prinsip penawaran pemilikan sesuatu yang bergantung pada keadaan atau peristiwa tertentu pada masa akan datang.

4. KELAYAKAN

4.1 Kelayakan umum

- 4.1.1 Kempen ini terbuka kepada Pelanggan sediaada Bank iaitu pemegang Akaun Dorman.
- 4.1.2 Kakitangan Bank tidak dibenarkan menyertai Kempen ini.
- 4.1.3 Kelayakan dari segi umur dan lain-lain perkara adalah tertakluk kepada terma dan syarat bagi Produk dan/atau Perkhidmatan yang halal sahaja serta polisi bank berkenaan dengan proses pengaktifan akaun dorman.
- 4.1.4 Pelanggan yang memenuhi kriteria yang dinyatakan di perenggan 4.2 di bawah layak untuk menyertai kempen ini.
- 4.1.5 Untuk tujuan Cabutan Bertuah, Pelanggan dikehendaki untuk mengaktifkan akaun mengikut tempoh seperti di bawah:

Cabutan Bertuah (Tempoh penilaian adalah dari 1 November 2020 sehingga 31 Mac 2021).

4.2 Kelayakan Utama Pemilihan Pemenang

- 4.2.1 Terdapat 2 kriteria utama yang perlu dipenuhi Pelanggan seperti berikut:
 - a. Membuat pengaktifan akaun Dorman dalam tempoh Kempen.
 - b. Melaksanakan sekurang-kurangnya satu (1) kali transaksi menggunakan Kad Debit Agrobank atau Perbankan Internet dalam tempoh Kempen seperti di bawah :
 - Pembayaran bil melalui perbankan internet.
 - Melaksanakan pembayaran melalui terminal kad debit.
 - Transaksi JomPay melalui perbankan internet.
 - Tambah nilai prabayar melalui perbankan internet.
 - Pembelian dalam talian menggunakan Visa kad debit.
 - Pembayaran zakat.

5.0 PEMILIHAN DAN MAKLUMAN PEMENANG

- 5.1 Bagi mempunyai peluang memenangi Kempen ini, Pelanggan hendaklah mematuhi semua kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak Bank.
- 5.2 Pemilihan Pemenang akan dijalankan berdasarkan kaedah Cabutan di Ibu Pejabat Agrobank.
- 5.3 Kaedah Cabutan elektronik akan digunakan bagi proses pemilihan pemenang. Sebarang keputusan hasil daripada Cabutan yang dilakukan adalah muktamad. Sebarang rayuan, bantahan atau pertanyaan daripada Pelanggan tidak akan dilayan.
- 5.4 Nama Pemenang akan diumumkan melalui laman sesawang rasmi Agrobank di www.agrobank.com.my. Pemenang akan dihubungi oleh pihak Bank menggunakan maklumat diri yang telah diberikan kepada pihak Bank. Sekiranya Pemenang tersebut tidak dapat dihubungi kerana informasi yang telah diberikan adalah salah, Bank berhak untuk memberikan hadiah tersebut kepada Pemenang Simpanan.
- 5.5 Pelanggan bersetuju membenarkan, bagi tujuan Kempen ini, pihak Bank untuk menggunakan, memaparkan atau menerbitkan nama, gambar dan lain-lain maklumat berkaitan Pemenang bagi tujuan publisiti dan pengiklanan. Pelanggan dinasihatkan untuk

merujuk kepada Notis Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dengan melayari laman sesawang rasmi Bank di www.agrobank.com.my.

6.0 HADIAH KEMPEN DAN TUNTUTAN HADIAH

- 6.1 Hadiah kempen yang ditawarkan kepada Pelanggan untuk dimenangi bagi Cabutan Bertuah boleh dirujuk pada Lampiran 1.
- 6.2 Hadiah yang dimenangi oleh pemenang tidak boleh dipindahmilik kepada pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dari segi spesifikasi hadiah seperti yang telah ditetapkan oleh pihak Bank. Hadiah yang ditawarkan adalah seperti yang telah dimaklumkan kepada Pelanggan dan pihak Bank berhak pada bila-bila masa untuk mengubah atau menukar hadiah yang ditawarkan kepada produk, model, jenama atau spesifikasi yang lain berdasarkan nilai hadiah yang ditawarkan.
- 6.3 Para pemenang akan dihubungi oleh pihak Bank melalui panggilan telefon sekurang-kurangnya 3 kali panggilan bagi memastikan pelanggan dapat dihubungi untuk memaklumkan sebagai pemenang. Sekiranya pelanggan tidak dapat dihubungi walaupun panggilan telah dibuat, pihak Bank berhak untuk menawarkan hadiah tersebut kepada Pemenang Simpanan.
- 6.4 Pemenang perlu membuat tuntutan hadiah dalam tempoh dua puluh satu (21) hari bekerja bermula dari tarikh Pelanggan dihubungi oleh pihak Bank. Kegagalan untuk berbuat demikian akan menyebabkan Pemenang hilang kelayakan untuk menerima hadiah tersebut.

7. Peruntukan Umum

- 7.1 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan adalah dianggap telah membaca, faham dan bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat yang dinyatakan di sini serta sebarang keputusan yang dibuat oleh pihak Bank melibatkan Kempen ini. Pelanggan juga setelah menyertai Kempen ini memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk mendedahkan atau berkongsi maklumat diri Pelanggan kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menganjurkan atau mempromosikan kempen ini.
- 7.2 Sebarang fi dan caj yang terlibat dalam Kempen ini hendaklah bergantung kepada ciri-ciri Produk dan/atau Perkhidmatan yang dilanggan oleh Pelanggan. Pelanggan adalah dinasihatkan untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai fi dan caj yang terlibat di cawangan-cawangan Bank yang berhampiran dengan Pelanggan.
- 7.3 Segala terma dan syarat yang terdapat di dalam dokumen ini dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh pihak Bank berhubung Kempen ini adalah muktamad dan konklusif. Pihak Bank tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian melibatkan keputusan yang telah dibuat oleh pihak Bank.
- 7.4 Pihak Bank berhak untuk membatalkan, menggantung atau mengubah mana-mana terma dan syarat bagi Kempen ini dengan notis sebelum sebarang pembatalan, penggantungan dan perubahan yang dimaksudkan berkuatkuasa. Notis tersebut akan dimaklumkan kepada Pelanggan melalui kaedah dan saluran yang dikenalpasti oleh pihak Bank termasuk tetapi tidak terhad melalui pos, notis di cawangan Bank, melalui transaksi elektronik atau di dalam laman sesawang rasmi Agrobank di www.agrobank.com.my
- 7.5 Bagi sebarang pembatalan, penggantungan atau perubahan yang dilakukan oleh pihak Bank, Pelanggan tidak berhak untuk membuat sebarang tuntutan kepada pihak Bank atau

menerima sebarang pampasan daripada pihak Bank bagi sebarang kehilangan atau kerugian secara langsung atau tidak langsung yang ditanggung oleh Pelanggan.

- 7.6 Jika terdapat sebarang keraguan yang munasabah, kekaburan, kecelaruan atau pertikaian melibatkan Kempen ini dan juga sebarang material pemasaran yang digunakan dalam kempen ini, rujukan utama akan dilakukan kepada terma dan syarat Kempen ini dalam versi Bahasa Malaysia.

LAMPIRAN 1**HADIAH KEMPEN PENGAKTIFAN AKAUN DORMAN****1. CABUTAN BERTUAH**

Tempoh Kempen : 1 November 2020 – 31 Mac 2021

i. Cabutan Bertuah – Hadiah Wang Tunai

Hadiah	Jumlah Pemenang
Wang Tunai bernilai RM500.00 setiap pemenang.	10 pemenang

Nota :

- a. Pelanggan membuat pengaktifan akaun semasa tempoh kempen berlangsung dan memenuhi Terma dan Syarat kempen.
- b. Pemberian Hadiah adalah dalam bentuk pembukaan atau pengkreditan Akaun Simpanan atas nama pelanggan/pemenang.

Soalan-Soalan Lazim – Kempen Pengaktifan Akaun Dorman (“Kempen”)

No.	Soalan	Jawapan
1.	Mengapakah kempen ini dinamakan “Kempen Pengaktifan Akaun Dorman” ?	Kempen ini dinamakan “Kempen Pengaktifan Akaun Dorman” adalah kerana kempen ini bertujuan untuk menggalakkan pelanggan yang mempunyai akaun simpanan yang tidak aktif di Agrobank untuk mengaktifkan akaun mereka bagi mengelakkan simpanan mereka dihantar ke Pendaftar Wang Tak Dituntut selepas tempoh tujuh (7) tahun, mengikut peruntukan di bawah Akta Wang Tak Dituntut 1965.
2.	Berapa lamakah tempoh Kempen ini akan dijalankan?	Kempen ini akan bermula daripada 1 November 2020 sehingga 31 Mac 2021.
3.	Bagaimanakah pemilihan pemenang dibuat di bawah Kempen ini?	<p>Kempen ini menggunakan <i>modus operandi</i> cabutan bertuah bagi menentukan pemenang</p> <p>Kempen ini adalah patuh Syariah di mana konsep Syariah yang digunakan adalah <i>Hibah Mu'allaqah</i> di mana merujuk kepada prinsip penawaran pemilikan sesuatu yang bergantung pada keadaan atau peristiwa tertentu pada masa akan datang.</p>
4.	Siapakah yang boleh menyertai Kempen ini? Adakah kakitangan Agrobank dibenarkan menyertai Kempen ini?	<p>Kempen ini terbuka kepada pemegang akaun simpanan Agrobank yang mana akaun beliau tidak aktif (dormant) selama 5 tahun dan ke atas, dengan syarat pelanggan tersebut memenuhi syarat-syarat Kempen yang telah ditetapkan oleh pihak Agrobank.</p> <p>Kakitangan Agrobank adalah TIDAK dibenarkan menyertai Kempen ini. Walau bagaimanapun, keluarga dan saudara kakitangan Agrobank adalah dibenarkan untuk menyertai Kempen ini.</p>
5.	Apakah jenis hadiah yang ditawarkan di dalam Kempen ini?	<p>Jenis hadiah yang ditawarkan untuk kempen ini adalah berbentuk wang tunai:</p> <p>i. Cabutan Bertuah - Wang Tunai bernilai RM500.00 setiap pemenang.</p> <p>Hadiah Tunai adalah bertujuan memberi penghargaan kepada 10 pemenang bertuah yang telah dipilih melalui cabutan bertuah yang dikendalikan oleh pihak Agrobank.</p> <p>Pemilihan Pemenang akan dilakukan melalui Cabutan Bertuah berdasarkan pelanggan yang telah mengaktifkan akaun dan memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh bank. Cabutan akan dilakukan selepas Kempen berakhir.</p>

6.	Apakah syarat-syarat kelayakan bagi Hadiah Cabutan Bertuah?	<p>Terdapat 2 kriteria utama yang perlu dipenuhi pelanggan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Membuat pengaktifan akaun dorman dalam tempoh Kempen. ii. Melaksanakan sekurang-kurangnya satu (1) kali transaksi menggunakan Debit Kad Agrobank atau Perbankan Internet dalam tempoh Kempen melalui mana-mana kategori berikut: <ul style="list-style-type: none"> i. Pembayaran bil melalui perbankan internet. ii. Melaksanakan pembayaran melalui terminal kad debit. iii. Transaksi JomPay melalui perbankan internet. iv. Tambah nilai prabayar melalui perbankan internet. v. Pembelian dalam talian menggunakan Visa kad debit. vi. Pembayaran zakat.
7.	Bilakah pemilihan pemenang akan dilakukan?	Pemilihan pemenang akan dijalankan pada tarikh dan lokasi yang ditentukan oleh Agrobank (tertakluk kepada perubahan mengikut budibicara pihak Agrobank).
8.	Bagaimanakah mendapatkan pertanyaan dan berkenaan Kempen? untuk sebarang maklumat	Untuk keterangan dan maklumat terkini: <ul style="list-style-type: none"> i. Pusat Panggilan di talian 1-300-88-2476 ; ii. Lawati laman sesawang Agrobank di www.agrobank.com.my ; iii. Lawati Cawangan terdekat Agrobank dengan mematuhi SOP yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

TERMS AND CONDITIONS

DORMANT ACCOUNT ACTIVATION CAMPAIGN

1. DEFINITION

"Bank"	refers to Bank Pertanian Malaysia Berhad (200801010522 (811810-U)) with the registered address at Tingkat 3, Bangunan Agrobank, Leboh Pasar Besar, 50726 Kuala Lumpur.
"Draw"	refers to the draw process that is to be conducted by the Bank for the purpose of selecting the winners for the Campaign.
"Dormant Account"	for the purpose of the Campaign, refers to inactive account (dormant) for 5 year and above where there is no transaction done via Debit card usage, ATM, CDM, Over the Counter or Internet Banking.
"Staff"	refers to the Bank's employees.
"Campaign"	refers to the Dormant Account Activation Campaign.
"Eligible Customer"	refers to the Dormant Account holder. Who is the saving account holder of Agrobank that has been dormant for a period of 5 years and above of which there is no transaction done via Debit card usage, ATM, CDM, Over the Counter or Internet Banking.
"Winner"	refers to the Customer who has been identified to receive the Campaign's reward based on the Draw conducted by the Bank.
"Reserve Winner"	refers to the Winner that has been identified in the Draw process who will be tagged as reserve winner. The Bank shall have the right to give the reward to the identified Reserve Winner in case the Winner becomes ineligible to receive the reward for whatever reason as determined by the Bank through its Selection Committee.
"Personal Identification"	refers to official document which is recognized by the Malaysian government for verification of identification purposes such as Identification Card (IC) or Passport.
"Principle of Hibah Mu'allaqah (Conditional Hibah)"	refers to the principle of offering ownership of an item contingent upon a certain condition or event in the future.

2. CAMPAIGN PERIOD

2.1 The Campaign Period commences from 1st November 2020 until 31st March 2021.

3. SHARIAH CONCEPT

- 3.1 The shariah concept applicable for this Campaign is Hibah Mu'allaqah (Conditional Hibah).
- 3.2 Based on the principle of Hibah Mu'allaqah, refers to the principle of offering ownership of an item contingent upon a certain condition or event in the future.

4. ELIGIBILITY

4.1 General Eligibility

- 4.1.1 This Campaign is open to existing Customer of Bank, whom is the Dormant Account holder
- 4.1.2 Bank's Staff are not allowed to participate in this Campaign.

- 4.1.3 Eligibility in terms of age and other matters is subject to the terms and conditions of Halal Products and / or Services only as well as bank policies related to the dormant account activation process.
- 4.1.4 Customer who fulfills the criteria set out under paragraph 4.2 below is eligible to participate in the Campaign.
- 4.1.5 For Lucky Draw's eligibility, Customer is required to activate his/her/its account according to the Draw period as follow:

Lucky Draw Prize (Evaluation Period from 1 November 2020 until 31 March 2021).

4.2 Main Eligibility Criteria

There are 2 main criteria which need to be fulfilled by the Customer as follows :

- a. To activate the Dormant Account within the Campaign period.
- b. To transact at least one (1) time using Agrobank's Debit card or Internet Banking within the Campaign period as per below:
 - i. Bill Payment through Internet Banking
 - ii. Any purchase through Debit Card terminal
 - iii. JomPay transaction through Internet Banking
 - iv. Prepaid top up through Internet Banking
 - v. Online purchase using Agrobank's Visa Debit Card
 - vi. Zakat Payment

5. SELECTION AND NOTIFICATION OF THE WINNER

- 5.1 In order to have a chance to win in the Campaign, the Customers MUST adheres to the aforesaid criteria that have been set by the Bank.
- 5.2 The selection of the Winner will be conducted through Draw process at Agrobank Headquarters.
- 5.3 Electronic Draw System will be used in the Winners' selection process. The outcome of the Draw shall be final. Any appeal, protest or inquiry from the Customer will not be entertained.
- 5.4 The name of the Winner will be announced through Agrobank's official website at www.agrobank.com.my. The Winner will be contacted by the Bank based on personal information provided to the Bank. In the event that the Winner is unable to be contacted due to wrong information provided, the Bank is entitled to reward the prize to the Reserve Winner.
- 5.5 Customer agrees to allow, for purposes relating to this Campaign, the Bank to use, display or publish the winners' names, picture and also other information related to the winners for publicity and advertising purposes. The Customer is advised to visit the Bank's official website at www.agrobank.com.my to view the Bank's Personal Data Protection Act 2010 Notice in detail.

6. THE CAMPAIGN'S PRIZES AND CLAIM

- 6.1 The list of Campaign's prizes offered to the Customer can be referred to the Appendix 1.
- 6.2 The prize won by the winners is not transferable and the prize specifications as determined by the Bank shall not be exchanged. The prize offered is as notified to the Customer and the Bank reserves the right to change or substitute the prize to the product, model, brand or other specification of the same value at any time.
- 6.3 Winners will be contacted by the Bank via telephone call at least 3 times to ensure that the customer can be contacted to notify as a winner. If the customer cannot be reached despite the call being made, the Bank reserves the right to offer the prizes to the Reserve Winner.
- 6.4 The Winner shall claim for the prizes within twenty one (21) working days from the date of the Customer being contacted by the Bank. Failure to do so, the winner will be disqualified from receiving the prize.

7. GENERAL PROVISIONS

- 7.1 By participating in this Campaign, the Customer is deemed to have read, understood and agreed to be bound by the terms and conditions appearing herein and any decision made by the Bank in relation to this Campaign. The Customer also upon participating in this Campaign authorizes the Bank to disclose or share the Customer's personal information to parties directly or indirectly involved in organizing or promoting the Campaign.
- 7.2 Any fees and charges involved in this Campaign shall be based on the products features of the respective Products and/or Services subscribed by the Customer. Customers are advised to obtain further information on the fees and charges at our nearest branch.
- 7.3 All the Terms and conditions contained in this document as well as any decisions made by the Bank in relation to this Campaign shall be final and conclusive. The Bank shall not entertain any appeal or dispute any decision made by the Bank.
- 7.4 The Bank reserves the right to cancel, suspend or modify any of the terms and conditions of the Campaign item by giving notice prior to any such cancellation, suspension and change to be effective. The notice shall communicated to the customer by the method or channels identified by the Bank including but not limited to by post, notification in medias, notices at Bank branches, by electronic transmission, in Agrobank's official website at www.agrobank.com.my
- 7.5 For any cancellation, suspension or modification made by the Bank, the Customer shall not be entitled to make any claim to the Bank or to receive any compensation from the Bank for any loss or damage directly or indirectly incurred by the Customer.
- 7.6 If there is any reasonable doubt, ambiguity, delinquency or dispute involving this Campaign as well as any marketing materials used in this Campaign, the main reference will be made to the Campaign's terms and conditions in the Bahasa version.

APPENDIX 1

DORMANT ACCOUNT ACTIVATION CAMPAIGN

1. LUCKY DRAW PRIZE

Campaign period: 1 November 2020 – 31 March 2021

i. **Lucky Draw – Cash Prizes**

Prize	Number of Winner
Cash Prize worth of RM500.00 for every winners	10 Winners

Notes:

- a. Eligible customers who activated their account during the campaign period and comply with campaign Terms and Conditions.
- b. The payment of the prize will be in the form of credited or opening of Saving account under customers' name.

Frequently Asked Question – Dormant Account Activation Campaign (“Campaign”)

No .	Question	Answer
1.	Why is this campaign named as “Dormant Account Activation Campaign” ?	This Campaign is named as “Dormant Account Activation Campaign” with the objective to encourage customers that have inactive (dormant) saving account with Agrobank to activate their account to avoid the money being sent to the Registrar of Unclaimed Money after period of seven (7) years under Unclaimed Money Act 1965.
2.	How long is the period of this Campaign?	The Campaign commences from 1 st November 2020 until 31 st March 2021.
3.	How is the selection of winners being made under this Campaign?	<p>This Campaign uses the modus operandi of lucky draw mechanism to determine the winner.</p> <p>This Campaign is a shariah compliant where the applicable Shariah concept is the Hibah Mu’allaqah (Conditional Hibah) in which principle of offering ownership of an item contingent upon a certain condition or event in the future.</p>
4.	Who can participate in this Campaign? Is it open to Agrobank’s staff to participate in this Campaign?	<p>This Campaign is open to Agrobank’s saving account holders whom his/ her account has been inactive (dormant) for 5 years and above, provided that the customer fulfils the requirements of the Campaign set out by Agrobank.</p> <p>Agrobank’s staffs are NOT allowed to join this Campaign. However, their immediate family members are allowed to participate in this Campaign.</p>
5.	What are the types of prizes being offered under this Campaign?	<p>Types of prizes offered under this Campaign are cash prizes:</p> <p>Lucky Draw Prizes – Cash Prizes worth RM500.00 per winner.</p> <p>The Prizes is intended to reward 10 lucky winners who have been selected through lucky draw conducted by Agrobank .</p> <p>The selection of winners for this category will be made via lucky draw based on the customer that activate their account and fulfilled requirement set by the bank. Draws will be made after the Campaign period ends.</p>

6.	What are the requirements to be eligible for Lucky Draw Prizes?	<p>There are 2 main criteria need to be fulfilled by the customers as follows :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Activate their dormant account within the Campaign period. ii. Transact at least one (1) time using Agrobank's Debit card or Internet Banking within the Campaign period as per below : <ul style="list-style-type: none"> i. Bill Payment through Internet Banking ii. Any purchase through Debit Card terminal iii. JomPay transaction through Internet Banking iv. Prepaid top up through Internet Banking v. Online purchase using Agrobank's Visa Debit Card vi. Zakat Payment
7.	When will the selection of winners be conducted?	<p>Selection of winners will be conducted after end of the Campaign period on the date and location to be determined by Agrobank (subject to changes at Agrobank's discretion).</p>
8.	How to get further information and clarification regarding this Campaign?	<p>For the latest information clarification.</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Call centre at 1-300-88-2476 ; ii. Visit our corporate website at www.agrobank.com.my ; iii. Visit to any of our nearest branches by adhering to SOP issued by Majlis Keselamatan Negara (MKN).